

Soalan No :55

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 11.3.2015

SOALAN :

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan terkini pembekalan guru-guru terlatih di Sekolah Kebangsaan, di Sekolah Jenis Kebangsaan (C) dan di Sekolah Jenis Kebangsaan (T).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengambilan guru untuk berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah dibuat melalui kaedah pelantikan tetap di mana calon-calon yang memenuhi syarat dan lulus temu duga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) akan ditawarkan pelantikan dan penempatan berdasarkan kepada kepentingan perkhidmatan, kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di setiap negeri.

Kedudukan guru seperti pada 24 Februari 2014 jumlah guru terlatih di SJKC adalah seramai 37,687 orang manakala guru terlatih di SJKT adalah seramai 9,322 orang.

SOALAN NO.: 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 11 MAC 2015

SOALAN:

YB Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah hikmah yang boleh dipelajari oleh rakyat negara ini berikut bencana banjir yang berlaku baru-baru ini.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, kejadian banjir pada Disember 2014 hingga Januari 2015 yang lalu telah memberi satu perspektif baru kepada pengurusan bencana di Negara ini. Persediaan menghadapi bencana banjir dilaksanakan secara berterusan oleh semua agensi-agensi yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, akibat perubahan cuaca dan jumlah hujan lebat ekstrem dan berpanjangan telah menyebabkan paras air sungai naik dengan cepat telah menyebabkan usaha-usaha untuk memindahkan mangsa-mangsa banjir perlu dilaksanakan dengan pantas. Dalam hubungan ini, rakyat perlu menyedari hakikat bahawa kejadian bencana pada masa kini tidak lagi seperti dahulu dan perlu memberikan kerjasama yang baik terhadap sebarang bentuk nasihat atau amaran daripada pihak berkuasa untuk berpindah ke tempat yang lebih selamat.

Kesedaran orang awam terhadap pengurusan bencana ini boleh kita contohi dari negara maju seperti Jepun di mana peranan menyelamatkan diri, mengurangkan risiko kemalangan jiwa bermula dari individu sendiri dan bukan hanya bergantung kepada agensi penyelamat. Di samping itu, semua pihak perlu berganding bahu mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengurangkan risiko bencana kerana tanggungjawab dalam pengurusan bencana adalah tanggungjawab bersama.

Sekian. Terima kasih.